

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2002/2003

September 2002

**HMT 501- Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu Lanjutan**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM [6]** soalan di dalam **EMPAT [4]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT [4]** soalan, **DUA [2]** soalan daripada **Bahagian A** dan **DUA [2]** soalan daripada **Bahagian B**.

**BAHAGIAN A:** Jawab soalan **No. 1** dan pilih **SATU** soalan sama ada soalan **No. 2** atau soalan **No. 3**.

1. Perhatikan data di bawah.

Dialek Petani Gerik

- |     |               |           |
|-----|---------------|-----------|
| (a) | <i>makan</i>  | [ma)kE]   |
| (b) | <i>piring</i> | [pi⊗i)N]  |
| (c) | <i>mayat</i>  | [ma)ja)/] |
| (d) | <i>daun</i>   | [dao)N]   |

- (i) Nyatakan rumus-rumus bagi data (a), (c) dan (d).

[6 markah]

- (ii) Dengan menggunakan teori Autosegmental, huraikan proses fonologi yang terdapat dalam data di atas. Anda boleh menggunakan contoh daripada dialek-dialek Melayu yang lain untuk mengukuhkan lagi analisis anda.

[19 markah]

2. Perhatikan data bahasa Melayu di bawah.

- (a) *masakan* [ma)sa/kan]
- (b) *gunaan* [guna)/a)n]
- (c) *diambil* [di/ambel]
- (d) *saat* [sa/a)t]
- (e) *naik* [na)e)/]

(i) Berdasarkan data (a) dan (b) di atas, nyatakan ketertiban rumus yang anda kenal pasti.

[5 markah]

(ii) Berdasarkan kepada teori Autosegmental, huraikan proses-proses penyisipan glotis dan pengglotisan yang terdapat dalam data di atas.

[20 markah]

3. Berdasarkan teori Autosegmental, terangkan status vokal (tinggi) dalam urutan vokal bagi data (a) dan (b) di bawah. Sertakan justifikasinya sekali untuk menyokong penjelasan anda.

- (a) /kuih/ [kuweh] [kweh]
- (b) /uaN/ [waN] [uwaN]

[25 markah]

### **BAHAGIAN B:**

Jawab soalan **EMPAT** [4] dan pilih **SATU** sama ada soalan **No. 5** atau soalan **No. 6**.

4. (a) Jelaskan apa yang dimaksudkan dengan 'daerah' dan 'cara' artikulasi konsonan. Beri tumpuan anda kepada istilah berikut, dengan menggunakan contoh-contoh dan rajah yang sesuai.

bilabial, velar , faringal

plosif, frikatif, afrikat.

[15 markah]

(b) Huraikan bagaimana ahli-ahli fonetik menggunakan kriteria artikulatori untuk mendeskripsikan vokal. Berikan contoh-contoh yang sesuai.

[10 markah]

5. (a) Jelaskan secara ringkas perbezaan di antara kaedah analisis auditori dan analisis akustik. Berikan contoh-contoh yang sesuai dalam penjelasan anda.

[8 markah]

- (b) Huraikan tiga (3) kepentingan analisis akustik kepada sesuatu kajian bunyi pertuturan. Berikan contoh-contoh yang sesuai dalam huraian anda.

[9 markah]

- (c) Terangkan kelebihan teknik rakaman dalam studio berbanding dengan teknik rakaman secara kandidate untuk tujuan analisis akustik. Sertakan contoh-contoh yang sesuai.

[8 markah]

6. (a) Huraikan secara ringkas pergerakan alat-alat artikulasi dan sistem pernafasan sewaktu menyebut setiap segmen bunyi bagi pasangan perkataan-perkataan yang berikut:

- (i) gari lwn kari
- (ii) mati lwn pati
- (iii) inti lwn undi
- (iv) empat lwn ensel

[16 markah]

- (b) Transkripsikan teks yang berikut dengan menggunakan transkripsi luas sistematik berdasarkan bahasa Melayu dialek Johor Riau:

*Pada 11 September berlakulah peristiwa yang mengejutkan seluruh dunia. Ketika negara kaya dan berteknologi tinggi menumpu kepada ciptaan senjata-senjata canggih yang boleh memberi lebih "kekuasaan" kepada mereka, pesawat penumpang biasa digunakan sebagai peluru berpandu untuk menyerang pusat dan simbol kekuasaan negara maju. Tetapi kesannya lebih daripada kehancuran bangunan dan kematian lebih 3000 orang. Kesan yang ketara ialah ketakutan yang amat sangat oleh seluruh dunia akan serangan oleh penganas. Bukan sahaja bangunan yang runtuh tetapi ekonomi dunia turut runtuh dengan teruk kerana ketakutan pelancong dan ahli perniagaan akan terperangkap dalam pesawat yang diculik oleh penganas untuk dijadikan peluru berpandu. Beratus-ratus bilion dolar telah hilang kerana aktiviti pelancongan, perniagaan dan industri penerbangan hampir terhenti terus.*

*Berhadapan dengan ancaman yang tidak diduga ini kuasa-kuasa besar naik gelabah dan seolah-olah hilang pedoman. Oleh kerana tidak berpengalaman dalam menangani serangan pegganas, mereka kembali kepada cara-cara peperangan biasa. Walaupun semua pegganas 11 September bukan daripada orang Afghan, tetapi oleh kerana Afghanistan menjadi pangkalan kepada kumpulan pegganas Al-Qaeda yang dipercayai terlibat dengan serangan pada 11 September, maka negara itu diserang dengan senjata yang tidak kenal siapa. Ramai yang tidak bersalah, orang awam, perempuan tua dan muda, kanak-kanak, orang sakit telah terbunuh dan cedera, dan berjuta-juta rakyat negara yang malang ini terpaksa melarikan diri ke negara jiran di mana mereka hidup merana, tanpa teduh, tanpa makanan yang cukup, tanpa perubatan.*

[9 markah]

-- oo000oo --